



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

Tingkat 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. 10 ()
Tarikh : 26 Oktober 2018

KENYATAAN MEDIA

BERHUBUNG PENAHANAN SEORANG PEGAWAI MARITIM MALAYSIA

PUTRAJAYA, 26 Oktober – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) memandang serius dan kecewa susulan penahanan seorang pegawainya pada 24 Oktober 2018 selepas disyaki turut terlibat dalam kejadian rompakan bersenjata di perairan Kuala Rompin, Pahang pada awal pagi hari yang sama.

Maritim Malaysia ingin menegaskan bahawa agensi ini tidak akan melindungi mana-mana pegawai dan anggotanya yang terlibat dalam aktiviti salah guna kuasa, rasuah atau sebarang perlakuan jenayah.

Maritim Malaysia menyerahkan sepenuhnya kepada siasatan polis dan meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi serta penularan di media sosial yang boleh menjejaskan proses undang-undang.

**Laksamana Madya Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Unit Komunikasi Korporat Maritim Malaysia
Tel : 03-89957016